D.R. 32/94

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk rnaksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk nngkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1994) (No. 2) 1994.

Perbelanjaan tambaltan bagi tahun 1994.

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi Ringgit Malaysia lima ratus enam puluh dua juta enam ratus empat belas ribu empat ratus (RM562,614,400) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan unluk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1994, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994 dan Akta Perbekalan Tambahan (1994) 1994.

*Akta A870*
*Akta*
*AktaA897*

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

(Seksyen 2)

| Maksud | Tajuk | Peruntukan kepada maksud RM |
|---|---|---|
| B. 7 | Jabatan Perdana Menteri | 123,000,000 |
| B. 14 | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan | 745,000 |
| B. 15 | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa | 1,000,000 |
| B. 17 | Kementerian Belia dan Sukan | 4,427,400 |
| B. 25 | Kementerian Pertahanan | 80,000,000 |
| B. 29 | Perkhidmatan Am Perbendaharaan | 57,000,000 |
| B. 38 | Jabatan Pendaftaran Pertubuhan | 718,000 |
| B. 39 | Jabatan Pendaftaran Negara | 2,424,000 |
| B. 42 | Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat | 11,300,000 |
| B. 45 | Kementerian Sumber Manusia | 20,000,000 |
| B. 52 | Kementerian Kerja Raya | 212,000,000 |
| B. 53 | Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi | 50,000,000 |
| | Jumlah . . | 562,614,400 |

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1994 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1994, Akta Perbekalan Tambahan (1993 dan 1994) 1994 dan Akta Perbekalan Tambahan (1994) 3994.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 1856.]